

Terma dan Syarat
Program Keahlian Club Marriott Malaysia

PERINGATAN: Pemegang Kad diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah yang terdapat di www.ambank.com.my. Sekiranya pemegang kad tidak memahami apa-apa terma dan syarat yang dinyatakan di bawah, pemegang kad dinasihatkan untuk berbincang dengan mana-mana wakil sah Bank.

Keahlian Club Marriott Malaysia untuk Pemegang Kad Kredit AmBank/Kad Kredit-i AmBank Islamic (“Program”)

Terma dan Syarat

Terma dan syarat di sini (“**Terma dan Syarat**”) adalah tambahan kepada dan untuk dibaca bersama dengan perjanjian kad kredit dan kad kredit-i (“**Kad**”) AmBank (M) Berhad (“**AmBank**”) dan AmBank Islamic Bank Berhad (“**AmBank Islamic**”) (secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) yang mentadbir penggunaan Kad dikeluarkan oleh Bank. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakseragaman di antara Terma dan Syarat ini dan Perjanjian Kad, Terma dan Syarat ini akan berkuat kuasa setakat yang berkaitan dengan Program.

Definisi

Kecuali di mana konteks diperlukan, atau dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini, semua perkataan, nama dan ekspresi yang ditakrifkan di dalam Perjanjian Kad, apabila digunakan atau dirujuk dalam Terma dan Syarat ini, hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian Kad.

1. Program ini ditawarkan untuk langganan kepada semua pemegang kad prinsipal dan tambahan AmBank/AmBank Islamic seperti:
 - (a) AmBank SIGNATURE Priority Banking The Metal Visa Infinite
 - (b) AmBank/AmBank Islamic SIGNATURE Priority Banking Visa Infinite
 - (c) AmBank/AmBank Islamic Visa Infinite
 - (d) AmBank/AmBank Islamic Visa Signature Card
 - (e) AmBank UnionPay Platinum Card
 - (f) AmBank BonusLink Visa Signature Card
 - (g) AmBank Visa Infinite Business
 - (h) AmBank M-Signature Card
 - (i) AmBank/AmBank Islamic SIGNATURE Priority Banking World Mastercard
 - (j) AmBank/AmBank Islamic World Mastercarddan akaun kad berada dalam keadaan baik (tiada tunggakan pembayaran atau dibatalkan atas apa jua alasan). Setiap pemegang kad layak untuk satu kad keahlian Club Marriott Malaysia sahaja.
2. Untuk mendaftar dalam Program ini, pemegang kad boleh mendaftar di <https://www.myclubmarriott.com/LandingPage/en/ambank-cmm-custom-bulksale>. Selepas permohonan dihantar, Bank akan mengambil tiga (3) hari untuk menyemak dan meluluskan permohonan keahlian Program. Selepas permohonan keahlian Program berjaya, Club Marriott Malaysia seterusnya akan menghantar E-mel Selamat Datang kepada pemegang kad dimana pemegang kad harus memuat turun aplikasi mudah alih keahlian mereka menerusi pembekal terpilih (iOS - App Store, Android - Google Play). Pek keahlian (terdiri daripada kad, terma dan syarat penuh dan cara memuat turun aplikasi dan cara menebus baucar) akan dihantar oleh Club Marriott Malaysia ke alamat rumah pemegang kad dalam masa lima (5) hari bekerja setelah pendaftaran keahlian berjaya.

3. Untuk layak menikmati keahlian percuma dan kelebihan yang ditawarkan di bawah Program ini, setiap pemegang kad yang telah berjaya mendaftarkan diri untuk Program ini memenuhi antara syarat berikut:
 - (a) pelanggan AmBank SIGNATURE Priority Banking berkelayakan yang memenuhi syarat Aset Di Bawah Pengurusan (ABP) melebihi Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu (RM500,000) pada bulan pendaftaran keahlian Program dilakukan; atau
 - (b) dikehendaki untuk berbelanja runcit terkumpul sebanyak minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) Sahaja (tidak termasuk Pindahan Baki, Pendahuluan Tunai dan transaksi 'QuickCash') dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pendaftaran keahlian Program berjaya dilakukan.
Di dalam situasi di mana pemegang kad tidak memenuhi keperluan yang dinyatakan di atas, pemegang kad dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mengecaj yuran keahlian sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lima Puluh (RM350) Sahaja ke akaun pemegang kad kredit/kad kredit-i.
4. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, setiap perbelanjaan runcit pemegang kad prinsipal dan kad tambahan tidak akan digabungkan dan akan dikira berasingan untuk memenuhi kelayakan minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) Sahaja setahun.
5. Di dalam situasi pembatalan/penamatan kad atau keahlian Club Marriott Malaysia sebelum memenuhi keperluan perbelanjaan runcit minimum Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) Sahaja. Pemegang kad dengan ini bersetuju untuk Bank untuk mengecaj yuran keahlian sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lima Puluh (RM350) Sahaja ke akaun pemegang kad kredit/kad kredit-i sejurus selepas pembatalan/penamatan kad dan/atau keahlian Program dibuat.
6. Keahlian untuk Program ini akan diperbaharui secara automatik setiap tahun kecuali jikalau pemegang kad bercadang untuk menamatkan keahlian dengan menghubungi Pusat Panggilan Bank di +603-2178 8888 atau AmBank SIGNATURE Priority Banking di +603-2178 6600 atau e-mel kepada customercare@ambankgroup.com, enam (6) bulan sebelum tarikh keahlian tahunan tamat.
7. Bank boleh mendedahkan maklumat pemegang kad kepada Club Marriott Malaysia untuk tujuan operasi perbankan yang ditawarkan untuk servis dan Program ini. Dengan penglibatan dalam dan penerimaan program ini, pemegang kad dianggap telah memberi kebenaran kepada pendedahan maklumat tersebut.
8. Bank dan Club Marriott Malaysia berhak untuk meluluskan atau menolak mana-mana permohonan pendaftaran keahlian Program secara mutlak. Pemegang kad dengan ini bersetuju untuk melepaskan Bank daripada sebarang liabiliti, tuntutan atau permintaan berkaitan servis/produk/faedah yang disediakan di bawah Program ini yang mana disediakan dan dikendalikan oleh Club Marriott Malaysia.
9. Keahlian pemegang kad untuk Program ini akan di pantau oleh Terma dan Syarat keahlian yang boleh didapati di <https://myclubmarriott.com>. 'Blackout date' adalah tertakluk semasa promosi hotel, acara dan cuti am/perayaan seperti Tahun Baru Cina, Ramadan, Hari Natal, Malam Tahun Baru & Hari Tahun Baru, Hari Kekasih, Hari Wanita Antarabangsa dan hari perayaan yang lain. Pemegang kad harus menghubungi hotel semasa membuat tempahan. Semua permintaan bergantung pada ketersediaan hotel.
10. Manfaat keahlian tidak boleh digunakan bersama dengan tawaran diskaun yang lain dan tertakluk pada terma dan syarat yang berkaitan.
11. Hanya satu kad keahlian yang boleh digunakan bagi setiap meja dan setiap lawatan menjamu selera.

12. Semua kelebihan penginapan adalah bergantung pada ketersediaan dan tidak sah sepanjang tempoh jangkaan penghunian yang tinggi. Tertakluk pada 'blackout date'. Tempahan awal minimum tiga (3) hari sebelum perlu dibuat. Terhad untuk maksimum tiga (3) bilik bagi setiap tempahan setiap malam; tidak sah untuk tempahan berkumpulan. Kad keahlian Club Marriott Malaysia yang sah perlu ditunjukkan semasa daftar masuk untuk mendapatkan harga yang layak.
13. Kad keahlian Program tidak boleh dipindah milik dan sah sehingga tarikh luput yang dicetak pada kad keahlian dan sebarang sijil bonus ahli. Tarikh luput tidak boleh dilanjutkan dalam apa jua keadaan.
14. Kad keahlian yang hilang atau dicuri mesti dilaporkan segera ke pejabat Club Marriott Malaysia di talian +603-2602 2715/+6014-727 0397. Bayaran pentadbiran sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja (RM50) akan dicaj pada Kad Kredit/Kad Kredit-i anda untuk gantian kad keahlian dan akan mempunyai tarikh luput yang sama dengan kad keahlian yang asal. Sijil tidak akan diganti sekiranya hilang atau dicuri.
15. Kad keahlian dan sijil Club Marriott Malaysia tidak mempunyai nilai tunai dan tidak boleh dijual atau dipindahkan secara tunai. Kad keahlian dan sijil Club Marriott Malaysia mesti ditunjukkan semasa pembayaran bagi menebus manfaat kad ini.
16. Senarai hotel dan restoran yang mengambil bahagian dalam manfaat keahlian dan sebarang terma dan syarat yang dinyatakan dalam ini atau bahan Club Marriott Malaysia yang lain boleh berubah tanpa diberi notis. Ahli akan dimaklumkan mengenai perubahan tersebut melalui laman sesawang Club Marriott Malaysia, www.myclubmarriott.com dan jika ada sebarang pertanyaan, anda boleh menghubungi Club Marriott Malaysia melalui laman sesawang mereka dan/atau hubungi +603-2602 2715 /+6014-727 0397.
17. Dengan menyertai Program ini, pemegang kad menerima Terma dan Syarat di sini, yang mungkin akan dikemaskini dari semasa ke semasa, dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat. Bank akan memberikan notis terdahulu dalam masa Dua Puluh Satu (21) hari kalendar jika terdapat sebarang kemaskini pada Terma dan Syarat. Sekiranya pemegang kad tidak bersetuju dengan kemaskini tersebut dan berhasrat untuk tidak lagi menyertai Program ini, pemegang kad perlu memberitahu Bank. Jika pemegang kad terus menyertai program ini selepas Dua Puluh Satu (21) hari kalendar menerima notis, pemegang kad dianggap menerima kemaskini tersebut.
18. Marriott International berhak untuk membatalkan atau menangguhkan keahlian pada bilabila masa sekiranya disyaki terdapat pelanggaran terma dan syarat atau keahlian tersebut disalahgunakan atau dikendalikan secara tidak wajar. Pelanggaran terma dan syarat ini, penipuan atau penyalahgunaan mengenai keahlian Club Marriott Malaysia atau penggunaan manfaat keahlian adalah tertakluk pada tindakan pentadbiran dan/atau undang-undang yang sewajarnya oleh Marriott International.
19. Terma dan syarat versi Bahasa Inggeris boleh didapati di www.ambank.com.my. Sekiranya terdapat percanggahan atau percanggahan dalam penafsiran terma dan syarat ini, versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi setiap terma dan syarat ini akan ditafsirkan sebagai setara dan setiap terma dan syarat yang ditetapkan akan membawa maksud yang sama.
20. Semua persoalan/pertanyaan mengenai penafsiran, kesahihan, penguatkuasaan dan pelaksanaan Terma dan Syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan dipantau dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Pemegang kad yang berdaftar di dalam program ini bersetuju dan terikat dengan bidang kuasa Mahkamah Malaysia untuk penimbunan sebarang tuntutan, tindakan atau proses lain selain dari terma dan syarat di sini.